

Konsep Halal dan Kreativiti Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melalui Pemetaan Kognitif

Halal Concepts and Creativity of Language Teaching and Learning Through Cognitive Mapping

Wan Mohd Fairaz Bin Wan Mohd Ghazali¹, Wazzainab Binti Ismail² & Nur Aisyah Abu Hasan³

Terima 23 MAC 2020	Wasit 27 MAC 2020	Muat Naik e-Jurnal 30 APRIL 2020
-----------------------	----------------------	-------------------------------------

ABSTRAK

Perkataan Halal adalah daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan. Al-Quran telah menyatakan perkataan halal sebanyak 49 kali. Kebiasaannya perkataan halal lebih merujuk kepada makanan. Namun hakikat sebenar konsep halal mencakup segenap amalan dan aktiviti seorang Muslim yang dipertanggung jawab kepadanya hukum taklifi. Hukum taklifi iaitu hukum yang terbahagi kepada wajib, sunat, makruh, haram dan harus. Hukum asal setiap sesuatu adalah harus iaitu dibolehkan. Namun hukum harus akan bertukar kepada halal atau haram jika kesannya membawa mudarat. Konsep halal sebenarnya boleh dikaitkan dengan amalan dan kerjaya. Ini kerana orang Islam diwajibkan mencari rezeki yang halal dan dengan cara yang halal. Jadi, sejauh manakah seseorang dalam bidang akademik sebagai pengajar bahasa menyedari bahawa kerjaya mereka berhubung kait dengan hukum halal dan haram. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan konsep halal dan kerjaya, menjelaskan tentang keperluan konsep halal dalam kerjaya sebagai tenaga pengajar bahasa. Seterusnya kajian mencadangkan bentuk pelaksanaan kreativiti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang sesuai. Iaitu kesungguhan pelaksanaan kreativiti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang merupakan refleksi kerjaya halal. Antara kreativiti yang dicadangkan ialah penggunaan pemetaan kognitif. Kajian kualitatif adalah secara pemerhatian dalam kelas dan temubual tenaga pengajar bahasa dan pelajar. Dapatan kajian mendapati sebahagian besar tenaga pengajar memahami konsep halal dalam bekerjaya. Tenaga pengajar juga bersetuju bahawa pekerjaan yang bersungguh adalah ciri-ciri kerja halal yang akan memberi impak positif. Maka impak positif ini dilihat dalam pelaksanaan pemerhatian dalam kelas pengajaran bahasa iaitu bahasa Arab, Mandarin dan Jepun yang menggunakan pemetaan kognitif. Oleh yang demikian para tenaga pengajar bahasa perlu berterusan memikirkan pelaksanaan yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana ianya berkait rapat dengan rezeki yang berkat dan halal dalam bekerjaya.

Kata kunci: *halal, kreativiti, bahasa, pemetaan kognitif*

ABSTRACT

The word Halal is from an Arabic word meaning allowed or allowed. The Quran has mentioned the word halal 49 times. Usually the word halal refers to food. But the true nature of the halal concept encompasses all the practices and activities of a Muslim who is responsible for law enforcement. The law of taklifi is the law that is divided into compulsory, circumcised, makruh,

¹ Wan Mohd Fairaz Bin Wan Mohd Ghazali, Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, fairaz@kuis.edu.my

² Wazzainab Binti Ismail, Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, wazzainab@kuis.edu.my

³ Nur Aisyah Abu Hasan, Jabatan Bahasa dan Pembangunan Insan, nuraisyah@kuis.edu.my

illegal and obligatory. The original law of everything is to be allowed. But the law should change to lawful or illegal if the effect is harmful. The concept of halal can actually be associated with practice and career. This is because Muslims are required to seek halal sustenance and in a halal way. So, to what extent does anyone in academia as a language teacher realize that their careers are in line with law and law? This study aims to identify the relationship between halal concepts and careers, explaining the need for halal concepts in their careers as a language teacher. Subsequently, the study suggests a form of implementation of appropriate language teaching and learning creativity. It is the dedication of the language teaching and learning creativity that is a halal career reflection. Among the suggested creativity is the use of cognitive mapping. Qualitative research is based on classroom observations and language teacher and student interviews. The findings show that most educators understand halal concepts in their work. Teachers also agree that hard work is a hallmark of halal work that will have a positive impact. This positive impact is reflected in the implementation of observations in language classes that are Arabic, Mandarin and Japanese using cognitive mapping. Therefore, language educators need to continue to consider appropriate implementations for language teaching and learning as they are closely linked to the blessing and halal provision of working.

Keywords: *halal, creativity, language, cognitive mapping*

Pengenalan

Perkataan Halal adalah daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan. Al-Quran telah menyatakan perkataan halal sebanyak 49 kali (Muhammad Fuad. 1994. Mu'jam Alfaz al-Quran. p274-275) tetapi berbeza bentuk, ada sebahagiannya menggunakan perkataan Halal selainnya dalam bentuk kata kerja yang pelbagai (حَلَّ، أَحَلَّ، تَحَلَّى)

Kebiasaannya perkataan halal lebih merujuk kepada makanan. Namun hakikat sebenar konsep halal mencakup segenap amalan dan aktiviti seorang Muslim yang dipertanggung jawab kepadanya hukum taklifi. Hukum taklifi iaitu hukum yang terbahagi kepada wajib, sunat, makruh, haram dan harus. Hukum asal setiap sesuatu adalah harus iaitu dibolehkan. Namun hukum harus akan bertukar kepada halal atau haram jika kesannya membawa mudarat. (Kareem Zaidan. Al-Wajeez Fi Usul Fiqh).

Konsep halal sebenarnya boleh dikaitkan dengan amalan dan kerjaya. Ini kerana orang Islam diwajibkan mencari rezeki yang halal dan dengan cara yang halal. Jadi, sejauh manakah seseorang dalam bidang akademik sebagai pengajar bahasa menyedari bahawa kerjaya mereka berhubung kait dengan hukum halal dan haram.

Pernyataan masalah

Kajian ini dijalankan untuk menghubungkan konsep halal dengan kerjaya. Kerjaya yang akan dibincangkan di sini ialah tenaga pengajar bahasa. Tenaga pengajar seharusnya peka akan konsep halal dalam bekerja agar pengajaran dan pembelajaran mampu dilaksanakan dengan sempurna.

Kajian literatur

Menurut Ustaz Khairuddin Bin Haiyon, Penolong Pengarah Unit Penerangan & Penerbitan Bahagian Dakwah JAIS. Bekerja adalah sunnah kehidupan seperti yang tertera di dalam ayat suci al-Quran. Beliau menerangkan jenis nafkah dan kelebihan bekerja dalam Islam yang merupakan ibadat dalam Islam. Seterusnya adalah penerangan syarat-syarat kerja yang membawa kepada pahala.

Bekerja sunnah kehidupan

Firman Allah s.w.t dalam Surah an-Nabak ayat 8 - 11:
"Dan Kami telah menciptakan kamu berpasang-pasangan. Dan Kami menjadikan tidur kamu untuk berehat. Dan Kami telah menjadikan malam (dengan gelapnya) sebagai pakaian. Dan kami telah menjadikan siang, masa untuk membina kehidupan"

Firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Taubah : 105) :
Dan katakanlah: *"Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mu'min akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan"*.

Jenis-jenis nafkah

Seorang itu wajib berusaha bekerja untuk menyara dirinya dan untuk orang-orang yang di bawah tanggungannya. Di dalam feqah terdapat lima jenis nafkah yang wajib bagi seseorang muslim mencari dan memberikan kepada orang yang menjadi tanggungannya termasuk dirinya sendiri.

- a) Nafkah diri sendiri
- b) Nafkah Usul kepada furu'(bapa kepada anak)
- c) Nafkah furu' kepada usul (anak kepada bapa)
- d) Nafkan Suami terhadap isteri
- e) Nafkah lain-lain

Kelebihan bekerja dalam Islam

Diampunkan dosa

Untuk menjadikan kerja sebagai ibadah maka seseorang itu mesti mempunyai niat kerana Allah s.w.t. Orang yang ikhlas bekerja akan mendapatkan ampunan dosa dari Allah SWT. Dalam sebuah hadis, Rasulullah telah bersabda:

"Barang siapa yang pada waktu petang hari duduk kerana keletihan lantaran pekerjaan yang telah dilakukannya, maka ia akan mendapat pada hari tersebut dosa-dosanya diampuni oleh Allah s.w.t". (Riwayat Thabrani)

"Sesungguhnya diantara dosa-dosa itu, terdapat satu dosa yang tidak dapat dihapuskan dengan shalat, puasa, haji dan umrah.' Sahabat bertanya, 'Apa yang dapat menghapuskannya wahai Rasulullah?' Beliau menjawab, 'Semangat dalam mencari rizki. (Riwayat Thabrani)

"Sesungguhnya Allah SWT mencintai seorang mu'min yang rajin bekerja. (Riwayat Thabrani)

Terhindar dari azab api neraka

"Pada suatu ketika, Saad bin Muaz Al-Anshari menceritakan bahwa ketika Nabi baru kembali dari Perang Tabuk, baginda melihat tangan Sa'ad yang melepuh, kulitnya terbakardengan pancaran panas matahari. Rasulullah bertanya, 'mengapa tanganmu?' Saad menjawab, 'Aku mencangkul tanah dengan cangkul ini untuk mencari nafkah keluarga yang menjadi tanggunganku.'" Kemudian Rasulullah SAW mengambil tangan Saad dan menciumnya seraya berkata, 'Inilah tangan yang tidak akan pernah disentuh oleh api neraka'" (Riwayat Tabrani)

Syarat bekerja yang membawa kepada pahala

1. Niat Ikhlas Kerana Allah SWT
2. Bersungguh-sungguh dan profesional dalam bekerja
3. Sikap Jujur dan Amanah
4. Menjaga akhlak dan keperibadian Muslim
5. Tidak Melanggar Prinsip-Prinsip Syariah
6. Menghindari Syubhat
7. Menjaga Ukhuwah

Niat Ikhlas Kerana Allah SWT

Setiap pekerjaan yang dibuat hendaklah kerana Allah SWT.

Bersungguh-sungguh dan profesional dalam bekerja

Dalam sebuah hadits Rasulullah bersabda

"Sesungguhnya Allah mencintai seorang hamba yang apabila ia bekerja, ia menyempurnakan pekerjaannya". (Riwayat Tabrani).

Iaitu menjalankan kerja dengan komited, bermotivasi, kreatif dan bersemangat tinggi.

Sikap Jujur dan Amanah

Seorang peniaga yang jujur dan dipercayai, (kelak akan dikumpulkan) bersama para nabi, shiddiqin dan syuhada'. (HR. Turmudzi)

Menjaga akhlak dan keperibadian Muslim

Dalam sebuah hadits Rasulullah SAW bersabda :

"Keimanan seorang mu'min yang paling sempurna adalah yang paling baik akhlaknya" (Riwayat Tarmizi)

Tidak Melanggar Prinsip-Prinsip Syariah

Etika bekerja dalam Islam adalah tidak boleh melanggar prinsip-prinsip syariah dalam pekerjaan yang dilakukannya. Tidak melanggar prinsip syariah ini dapat dilihat dari dua aspek:

Pertama dari sisi zat dari pekerjaannya, seperti mempromosikan barang yang haram, menyebarkan kefasadan (seperti pornografi), unsur-unsur riba, judi dan sebagainya.

Kedua dari sisi pelaksanaan pekerjaan tersebut seperti rasuah, salah guna kuasa, membuat fitnah dalam persaingan, tidak menutup aurat dan sebagainya.

"Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada rasul dan janganlah kamu merusakkan (pahala) amal-amalmu." (Surah Muhammad : 33)

Menghindari Syubhat

Seseorang muslim hendaklah menjaga jangan ada perkara yang syubhat atau sesuatu yang meragukan. Oleh karena itulah, kita diminta hati-hati dalam perkara ini. Dalam sebuah hadis Rasulullah SAW bersabda:

"Halal itu jelas dan haram itu jelas, dan diantara keduanya ada perkara-perkara yang syubhat. Maka barang siapa yang terjerumus dalam perkara yang syubhat, maka ia terjerumus pada yang diharamkan..." (Riwayat Muslim).

Ini menjurus kepada indakan yang menghampiri perkara haram. Contohnya jika dia seorang yang memegang akaun jabatan, maka jika dia ingin meminjam, dia perlu maklumkan kepada ketua dan orang lain yang sesuai. Supaya jika berlaku apa-apa kepada peminjam, maka ketua dapat menyelesaikannya dengan waris. Jika tiada pemakluman, wang yang digunakan adalah haram kerana waris tidak tahu asal wang tersebut.

Menjaga Ukhuwah

Masalah menjaga ukhuwah antara sesama muslim adalah suatu perkara yang penting. Jangan sampai dalam bekerja membawa kepada perpecahan antara kaum muslimin.

Rasulullah SAW sendiri telah menyatakan bahawa:

"Dan janganlah kalian membeli barang yang sudah dibeli saudaramu"

Berdasarkan tujuh syarat di atas dapat disimpulkan bahawa kerja halal yang akan membuahkan pahala kepada tuannya adalah kerja halal yang memenuhi syarat tersebut. Syarat ini dapat disimpulkan sebagai konsep halal. Iaitu kerja halal yang dijalankan mengikut cara yang sepatutnya agar kerja halal tersebut benar-benar memperoleh pahala.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan:

- 1- Mengenal pasti hubungan konsep halal dan kerjaya.
- 2- Menjelaskan tentang keperluan konsep halal dalam kerjaya sebagai tenaga pengajar bahasa.
- 3- Mencadangkan penggunaan pemetaan kognitif sebagai bentuk pelaksanaan kreativiti pengajaran dan pembelajaran bahasa yang sesuai.

Kajian konsep halal dan pengajaran dan pembelajaran bahasa

Merujuk syarat kedua kerja yang akan membawa pahala ialah kerja yang dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Oleh yang demikian refleksi konsep halal dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa ialah usaha pensyarah dalam proses PdP bahasa agar pelajar boleh mempelajari bahasa dengan baik. Pembelajaran bahasa di sini boleh dikategorikan kepada bahasa Arab, Jepun dan Mandarin. Usaha yang dilaksanakan adalah menerusi pendekatan penggunaan pemetaan kognitif.

Menurut Edward Tolman (1948) seorang pakar ilmu psikologi telah memperkenalkan pemetaan kognitif. Iaitu satu idea yang telah dipopularkan oleh Tony Buzan (2006) sebagai peta minda. Tolman mengatakan bahawa minda berfikir seperti gabungan sel dari pelbagai arah. Kesan pembentukan ini menggalakkan minda pantas terkesan kepada bentuk dan aliran gabungan. Oleh itu peta minda adalah salah satu medium yang menjana proses pemikiran. (Ahmad Falah, 2014). Oleh itu KPM telah memilih peta minda atau peta pemikiran sebagai wahana pengajaran yang merangsang pemikiran pelajar. Guru disarankan melaksanakan persekitaran berfikir dengan menggunakan 8 jenis peta minda. Implimentasi 8 peta minda ini akan menyemarak budaya pemikiran kreatif dan kritis sebagai refleksi Model KBSB yang disarankan. 8 Peta Pemikiran tersebut ialah: 1-Peta bulatan, 2-Peta Buih, 3-Peta Buih Berganda, 4- Peta Pokok, 5- Peta Dakap, 6- Peta Alir, 7- Peta Pelbagai Alir dan 8- Peta Titi. (KPM, 2012). Maka kajian ini memilih peta minda sebagai bentuk usaha dalam merealisasikan onsep halal dan PdP bahasa.

Metodologi dan dapatan kajian

Kajian kualitatif adalah secara pemerhatian dalam kelas dan temubual tenaga pengajar bahasa dan pelajar.

Dapatan Pemerhatian Dalam Kelas

Pemerhatian dijalankan di dalam kelas semasa pelaksanaan pengajaran bahasa menerusi penggunaan pemetaan kognitif. (Kelas: Bahasa Arab NBWU1012, Pelajar Tiada asas bahasa Arab)

Dapatan pemerhatian mendapati dua aspek dikenalpasti iaitu aspek positif bilamana pelajar berbincang dalam kumpulan, bekerjasama, gembira, riuh, kreatif dan PdP bahasa berjaya. Aspek negative pula bilamana pelajar yang lemah agak lambat bertindak (memerlukan bantuan kawan).

Rumusannya Proses Pengajaran dan Pembelajaran bahasa berjalan dengan sangat bermotivasi.

Dapatan Temubual Pelajar Terhadap PdP BerKonsep Halal iaitu Menerusi Penggunaan Pemetaan Kognitif.

Bil.	Soalan Temubual	Kombinasi Maklum balas 10 Orang Responden (Pelajar Bahasa Arab Kod NBWU1012, Sesi II 17/18. Pelajar tiada asas bahasa Arab.	Rumusan
1.	Apakah pandangan anda terhadap penggunaan pemetaan kognitif / peta minda dalam pengajaran bahasa.	R1) pada pandangan saya, penggunaan peta minda dalam bahasa arab ini dapat membolehkan saya dalam menguasai perkataan ² dalam bahasa arab dengan mudah serta dapat memahami kalimah tersebut.	PdP bahasa menjadi mudah.
		R2) pengajaran saya terhadap penggunaan peta minda dalam pengajaran bahasa arab kerana ianya mudah memahami isi-isi penting yang ada didalam petikan . Mudah juga untuk menguasai bahasa arab.	
		R3-R10) Pada pandangan kami, ia dapat meringkaskan dan memudahkan kefahaman tentang sesuatu topik.	

2.	Adakah pemetaan kognitif / peta minda membantu anda berfikir.	R1)Ya, kerana dengan membuat peta minda saya berfikir cara untuk mengumpul idea ² untuk mengeluarkan isi ² dalam peta serta kreatif dalam mencorakkan peta dan mengumpul maklumat penting dalam peta itu.	Pemetaan Kognitif menjana pemikiran pelajar.
		R2) ya, peta minda membantu saya dan rakan-rakan berfikir kerana dapat memahami isi penting dengan mudah.	
		R3-R10) Ya, kerana kami hendaklah membaca, mencari idea serta mencari isi penting sebelum membuat peta minda yang cantik dan mudah difahami.	
3.	Pada awalnya saya rasa susah untuk belajar bahasa menerusi pemetaan kognitif / peta minda. Jelaskan	R1)Kerana bagi saya, ia terlalu ringkas dan sukar untuk saya fahamkan ianya memberi saya sedikit masalah untuk memahami dalam peta tersebut.	Agak sukar diperingkat awal
		R2) Bagi saya pada awalnya susah untuk memahami bahasa arab dalam peta minda kerana saya memang sukar untuk memahami bahasa arab dalam peta minda tetapi apabila ada rakan yang beri tunjuk ajar tentang peta minda dalam bahasa arab , saya mudah faham dengan isi penting yang ada .	
		R3-R10) Disebabkan oleh rasa susah untuk membuat pengkelasan mengikut topik berikutan kurang kefahaman bahasa.	
4.	Pensyarah saya berusaha agar ilmu bahasa difahami dalam pelbagai cara (antaranya pemetaan kognitif / peta minda). Jelaskan.	R1) Bagi saya, dengan adanya peta minda atau nota ² yang dibuat dapat memudahkan saya untuk ingat dan dapat memudahkan saya untuk mudah ingat dan faham isi ² penting dalam kalimah bahasa arab dgn lebih mudah.	Kreativiti pensyarah sangat penting. Iaitu satu usaha menyemai konsep halal dalam bekerja, apabila satu pekerjaan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.
		R2) Bagi pensyarah saya ia mudah difahami kerana peta minda dapat mengeluarkan isi-isi penting yang mudah difahami dan penggunaan bahasa arab yang mudah .	
		R3-R10) Pensyarah saya berusaha untuk menyuruh kami membuat peta minda bagi setiap bab supaya kami lebih tertarik untuk belajar dan ia juga dapat meringkaskan skop pembelajaran dalam sesuatu bab.	
5.	Saya rasa sangat gembira dengan pembelajaran menggunakan pemetaan kognitif / peta minda.	R1) Ya, saya rasa gembira dan pembelajaran sangat menarik ketika menghasilkan peta minda kerana ia salah satu cara yang dapat membantu mahasiswa mahasiswi belajar secara efektif.	Pemetaan Kognitif satu pendekatan PdP bahasa yang sangat baik.
		R2) Ya. Pembelajaran akan jadi sangat menarik dengan adanya peta minda kerana ia memudahkan pelajar untuk memahami nota dengan lebih ringkas dan mempunyai isi-isi penting yang perlu diberi perhatian .	

		-Peta minda mampu menarik minat pelajar untuk mengulangkaji pelajaran kerana nota yang ringkas dan menarik serta terdapat kata2 kunci dan juga akronim	
		R3-R10) -Ia amat menarik kerana kami dapat memfokuskan kepada isi-isi penting daripada setiap bab. -Ia juga amat menarik kerana kami dapat membuat sesuatu nota mengikut kreativiti kami.	

Jadual 1: Bacaan Item Temubual Pelajar Terhadap PdP BerKonsep Halal iaitu Menerusi Penggunaan Pemetaan Kognitif.

Bil.	Soalan Temubual	Maklum balas Responden	Rumusan
1	Apakah yang anda fahami konsep halal dalam bekerja.	R1) Setuju dengan konsep kerja halal dan amanah...sebagai pendidik kita harus utamakan institusi tempat kita bekerja berbanding tempat lain. Amat tidak beretika tinggalkan kelas di tempat kerja dan tapi pada masa yang sama pergi berceramah berbayar di masjid-masjid. Ada juga yang sanggup ambik MC tapi boleh pula pergi mengajar tuisyen di tempat lain.	Pandangan ini bersesuaian dengan syarat kelima iaitu syarat kerja yang menjaga konsep halal iailah kerja yang mematuhi syariat. Iaitu tiada salah guna kuasa. Untuk usaha bersungguh-sungguh dalam kerja adalah syarat kedua konsep halal.
		R2) Kerja yang halal mestilah dilaksanakan ikut syariat iaitu tidak menipu MC, tidak culas, tidak menyusahkan orang lain. Dalam PdP bahasa guru yang menghayati makna konsep halal akan sentiasa bermotivasi dalam melaksanakan pengajaran bahasa dan selalu membanu pelajarnya.	

Jadual 2: Bacaan Item Temubual Tenaga Pengajar Terhadap Konsep Halal dalam Kerjaya.

Kesimpulan

Kajian mendapati sebahagian besar tenaga pengajar memahami konsep halal dalam bekerjaya. Tenaga pengajar juga bersetuju bahawa pekerjaan yang bersungguh adalah ciri-ciri kerja halal yang akan memberi impak positif. Maka impak positif ini dilihat dalam pelaksanaan pemerhatian dalam kelas pengajaran bahasa iaitu bahasa Arab, Mandarin dan Jepun yang menggunakan pemetaan kognitif. Oleh yang demikian para tenaga pengajar bahasa perlu berterusan memikirkan pelaksanaan yang sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa kerana ianya berkait rapat dengan rezeki yang berkat dan halal dalam bekerjaya.

Rujukan

- Abdul Kareem Zaidan. 1998. *Al-Wajeez Fi Usul al-Fiqh*. Lubnan Muassasah al-Risalah. Cetakan 7. P23-30.
- Ahmad Falah. 2014. Pembelajaran Bahasa Arab Berbasis Mind Map Untuk Meningkatkan Bahasa Arab Pada Tingkat Madrasah. *Jurnal Arabia: Vol. 6*, No.1 Januari – Juni 2014.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Program I Think: Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Penerbit: Kementerian Pelajaran Malaysia, Cetakan 2012. <https://www.scribd.com/document/331291022/iTHINK-KBAT> MembudayakanKemahiran-Berfikir dicapai pada 16 Jan 2018.

- Edward C. Tolman. 1948. *Cognitive Maps*. [http://www.newworldencyclopedia.org/entry/Edward C. Tolman](http://www.newworldencyclopedia.org/entry/Edward_C._Tolman) dicapai pada 5 Feb 2018.
- Ghazali Darusalam, Sufean Hussin. 2016. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan & Analisis Kajian*. Penerbit Universiti Malaya. Kuala Lumpur. Cetakan 3.
- Khairuddin Bin Haiyon. *Bekerja Tuntutan Kehidupan*. <http://www.jais.gov.my/article/bekerja-tuntutan-kehidupan> dicapai pada 5 April 2018.
- Muhammad Fuad Abdul Baghi. 1994. *Mu'jam al-Fihras Li-AlFaz al-Quran*. Lubnan: dar al-Fikri. Cetakan 4. P.274-275.
- Tony Buzan. 2006. *Use Your Head*. Educational Publisher LLP BBC ACTIVE: England